

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[ BATU KAWAN ]**  
**TARIKH : 14 MAC 2016**  
**SOALAN :**

**YB Pn. Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit buah pinggang mengikut pecahan negeri serta kaum dari tahun 2005 sehingga kini dan semua bentuk insentif dan bantuan sediaada serta usaha-usaha Kerajaan untuk meringankan beban pesakit buah pinggang ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jumlah pesakit kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang menerima rawatan dialisis di seluruh negara dari tahun 2005 sehingga 2014 adalah 165,429 orang. Daripada jumlah ini, 40% pesakit menerima rawatan di pusat swasta, 33% di pusat kerajaan dan 27% di pusat NGO.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Statistik bagi penyakit buah pinggang yang disediakan adalah berdasarkan rekod kemasukan pesakit di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Statistik terkini adalah sehingga tahun 2014.

Jumlah kemasukan bagi penyakit buah pinggang di hospital KKM seluruh negara adalah 30,525 kemasukan pada tahun 2012, 39,208 kemasukan pada tahun 2013 dan 44,214 kemasukan pada tahun 2014. Jumlah kemasukan ke hospital pada tahun 2014 paling tinggi dicatatkan di hospital-hospital KKM di negeri Johor dengan 7,071 kemasukan, diikuti negeri Kelantan dan Sabah masing-masing 4,655 dan 4,393 kemasukan.

Bagi tempoh 2012 hingga 2014, jumlah kemasukan pesakit dalam bagi penyakit buah pinggang paling tinggi adalah kaum Melayu, dengan 73.7 peratus pada tahun 2012, 62.2 peratus pada tahun 2013 dan 67.6 peratus pada tahun 2014. Kaum Cina pula menunjukkan kemasukan kedua tertinggi dengan 15.6 peratus pada tahun 2012, 14.1 peratus pada tahun 2013 dan 14.6 peratus pada tahun 2014. Peratus kemasukan kaum India pada tahun 2012 hingga 2014 masing-masing 6.8 peratus, 6.6 peratus dan 7.3 peratus.

## **Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi tujuan membantu meringankan beban pesakit buah pinggang, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari tahun 2005 telah memberi subsidi membiayai kos rawatan hemodialisis pada kadar RM50.00 untuk setiap rawatan dan suntikan Erythropoitein (e-poietin) pada kadar RM18.50 untuk setiap suntikan kepada pesakit-pesakit buah pinggan yang miskin dan tidak berkemampuan bagi mendapatkan rawatan hemodialisis di pusat-pusat hemodialisis Badan-badan bukan Kerajaan (NGO). Pada masa kini, seramai 2,897 orang pesakit sedang menerima bantuan subsidi rawatan dialisis dan suntikan Erythropoitein di 124 buah pusat hemodialisis yang dikendalikan oleh 62 buah NGO.

Mulai tahun 2005 sehingga Februari 2016, KKM telah meluluskan subsidi sebanyak RM227.35 juta bagi rawatan hemodialisis. Manakala subsidi Erythropoietin (e-poietin) mula diberi pada tahun 2009 dan sehingga Februari 2016, KKM telah meluluskan subsidi sebanyak RM 48.48 juta bagi bantuan suntikan Erythropoietin (e-poietin). Secara keseluruhannya, KKM telah membelanjakan sejumlah RM 275.83 juta bagi tujuan subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan Erythropoietin (e-poietin).

Untuk makluman, Kerajaan juga memberi bantuan untuk memperolehi alat dialisis kepada NGO yang ingin menubuhkan pusat rawatan dialisis agar pesakit-pesakit miskin dan tidak mampu dapat menjalani rawatan dialisis di pusat-pusat dialisis tersebut. Kemudahan ini mula diberikan pada tahun 2002 dan sehingga tahun 2014 sebanyak 92 Pertubuhan Pusat Dialisis NGO telah menerima *grant* permulaan berjumlah RM18.22 juta dari Kementerian ini.